

## KAEDAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA ARAB DI IPT

Ku Fatahiyah Ku Azizan<sup>1</sup>,  
Hairun Najuwah Jamali<sup>2</sup>,  
Awatif Abdul Rahman<sup>3</sup>

Jabatan Bahasa  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

Kemahiran bertutur dan mendengar merupakan komponen asas bahasa Arab untuk pelajar di semua peringkat pengajian. Penguasaan kedua-dua kemahiran reseptif ini berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab serta menganalisa penerimaan kaedah-kaedah yang digunakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini menggunakan kaedah asas, iaitu soal selidik untuk pelajar dan melibatkan seramai 519 orang pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab sebagai subjek wajib institusi. Secara umum dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar dapat menerima dengan baik sebahagian kaedah yang digunakan di samping perlunya penilaian semula dan penambahbaikan terhadap sebahagian kaedah yang lain. Cadangan dan resolusi dilaporkan di akhir kertas kerja ini.

*Kata kunci: kaedah pengajaran dan pembelajaran, kemahiran bertutur dan mendengar.*

### ABSTRACT

Speaking and listening skills are the basic components of the Arabic language to students at all levels of study. Control both receptive skills are closely related to the teaching and learning methods are implemented. Thus, this study aims to explore ways of teaching and learning the skills of listening and speaking Arabic and analyze acceptance methods used by the Selangor International Islamic University College (KUIS), Insaniah Universiti College (KUIN), Islamic Science University of Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) and Centre for Foundation Studies IIUM. This study uses the basic methods of questionnaires to students and involving 519 students who took the subjects of Arabic as a compulsory subject institutions. In

---

<sup>1</sup> PensyarahBahasa Arab Jabatan Bahasa Pusat Pengajian Teras KUIS, kufatahiyah@kuis.du.my

<sup>2</sup> PensyarahBahasa Arab Jabatan Bahasa Pusat Pengajian Teras KUIS, hairunnajuwah@kuis.du.my

<sup>3</sup> PensyarahBahasa Arab Jabatan Bahasa Pusat Pengajian Teras KUIS, awatif@kuis.du.my

general, the results show that students can receive a good part of the method used in addition to the need for re-assessment and improvement of some other method. Recommendations and resolutions reported at the end of this paper.

Keywords: teaching and learning methods, speaking and listening skills.

## **PENDAHULUAN**

Secara umum, pengajaran bahasa Arab di Malaysia meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Disamping penguasaan dalam tatabahasa, aspek morfologi Arab juga turut dititikberatkan. Matlamat ini sebenarnya merujuk kepada penekanan fungsi asal bahasa, iaitu bahasa adalah medium komunikasi antara manusia (Ahmad Kilani Mohamed, 2001). Sehubungan itu, kemahiran mendengar dan bertutur menjadi kemahiran utama dalam interaksi antara manusia (Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, 2011). Bahkan mendengar dan bertutur merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan kerap digunakan. Apabila seseorang itu berkomunikasi, dia sebenarnya melakukan aktiviti mendengar dan bertutur, iaitu satu proses dua hala (Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman, 2008). Penguasaan kedua-dua kemahiran reseptif ini berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang. Sistem pengajian di pondok-pondok merupakan sistem pengajian tertua di Malaysia sebelum di ambil alih oleh sistem pengajian formal yang ditawarkan pengajiannya di sekolah-sekolah rendah mahupun menengah sama ada di sekolah aliran agama mahupun akademik.

Dalam konteks pengajian bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), kebanyakan pelajar dilihat masih kurang berkeupayaan menguasai kemahiran asas bahasa Arab terutama kemahiran mendengar dan bertutur. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab di IPT lain didapati mereka mampu menguasai kemahiran asas bahasa Arab dengan baik. Keadaan ini mendorong kajian dilakukan bagi meninjau dan meneliti pengalaman-pengalaman institusi pengajian tinggi yang terpilih dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Dapatan kajian akan dianalisis serta dibuat perbandingan bagi mendapatkan pendekatan yang mampu diadaptasi dalam sistem pembelajaran bahasa Arab di KUIS dengan tujuan meningkatkan mutu dan keterampilan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi serta menganalisis penerimaan pelajar terhadap kaedah-kaedah yang diaplikasi dalam pembelajaran. Kajian ini juga akan mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian terhadap kaedah-kaedah yang sedia ada. Pemilihan IPT-IPT ini adalah berdasarkan persamaan sistem institusi yang mewajibkan semua pelajar mengambil subjek bahasa Arab tanpa mengira program pengajian.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab di IPT Malaysia?
2. Apakah kaedah yang mendapat skor min tertinggi dan terendah bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab di IPT Malaysia?
3. Apakah kaedah yang perlu kepada penambahbaikan dan penilaian semula?

## **SOROTAN KAJIAN**

Bahasa Arab telah mengalami perkembangan yang pesat seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain. Pelbagai kajian dan ujian berkenaan kaedah-kaedah pengajaran bahasa telah dilakukan oleh para sarjana bahasa. Teori-teori pemerolehan dan pengajaran bahasa yang mendasari kaedah-kaedah pengajaran ini telah dipraktikkan dan diselidiki keberkesannya terhadap pelajar-pelajar bahasa terutamanya berkaitan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing terhadap penutur bukan jati.

Menurut Maimun Aqsha (2009), kaedah Eklektik Sistemik dan kaedah *al-Samciyat al-Shafawiyah* (dengar-tutur) lebih berkesan daripada kaedah *Taqldiyah* bagi kemahiran kefahaman mendengar dan bertutur pada kedua-dua peringkat permulaan dan pertengahan. Ringkasnya, kaedah Eklektik Sistemik ialah cara mengajar bahasa yang menggunakan dua atau kombinasi pelbagai kaedah dan tidak terikat kepada satu-satu kaedah tertentu. Bahkan guru boleh menggunakan usaha dan daya kreatif mereka sendiri.

Nik Mohd Rahimi (2005) berpendapat latihan kemahiran mendengar hendaklah dijadikan asas penggabungjalinan antara satu kemahiran dengan kemahiran berbahasa yang lain. Namun, berdasarkan kajian beliau, teknik pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab inilah yang sering diabaikan dan tidak ditekankan dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia. Kenneth Beare (2009) berpendapat bahawa pengajaran kemahiran mendengar merupakan salah satu tugas

yang paling berat kepada para pendidik atau guru. Hal ini kerana kemahiran mendengar yang berjaya memerlukan masa dan penumpuan serta latihan yang banyak.

Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar amat penting. Melalui kemahiran mendengar, pelajar dapat memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemampuan mendengar yang baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Proses pengajaran untuk mendapatkan kemahiran mendengar ini lazimnya melalui suara guru di dalam kelas. Justeru, kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa yang diwajibkan terhadap para pelajar (Ibtisam & Zamri, 2012). Kemahiran bertutur adalah satu aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa yang amat penting dan utama. Ia merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis.

Maimun (2009) melaporkan terdapat pandangan sebahagian sarjana bahasa yang mengatakan bahawa penggunaan gambar atau objek dalam kemahiran bertutur membantu menghubungkan gambar dan suara, justeru dapat mengurangkan kebergantungan terhadap bahasa ibunda. Kemahiran bertutur adalah refleksi terhadap tahap pembelajaran seseorang dalam mana-mana bahasa. Justeru, kita sering menggunakan misalnya istilah 'penutur bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua'. Kita tidak pernah menggunakan 'pembaca bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'pembaca bahasa Arab sebagai bahasa kedua' atau 'penulis bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'penulis bahasa Arab sebagai bahasa kedua'.

Tai'mah (t.t.) memberi panduan dalam pengajaran kemahiran bertutur:

- i. Guru perlu mengurangkan percakapan dan memberi arahan di dalam kelas kemahiran bertutur namun sebaliknya pelajar perlu memperbanyakkan bertutur bahasa Arab.
- ii. Pelajar perlu memahami perkara yang dituturkannya, iaitu dengan cara meminta pelajar bercakap sesuatu tajuk yang dialaminya atau berdasarkan kepada pengalamannya.
- iii. Guru tidak membangkang atau memotong percakapan ketika pelajar bertutur bahasa Arab serta memperbanyakkan pembedulan ketika pelajar bertutur bahasa Arab. Kebiasaannya, sekiranya penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua berasa lemah dalam mengeluarkan kata-kata dan menyusun ayat bahasa Arab dengan sempurna. Namun, perasaan ini akan bertambah sekiranya percakapan mereka sering dipotong oleh guru. Pembedulan kesalahan pelajar perlu dilihat dari dua segi: a) Sekiranya kesalahan pertuturan bahasa Arab pelajar boleh merosakkan makna ayat, maka guru perlu memperbetulkan kesalahan pertuturan pelajar. Namun jika kesalahan bahasa itu tidak merosakkan makna serta masih dapat menyampaikan maksud percakapan, maka kesalahan itu perlu diabaikan.
- iv. Guru perlu mengajar kemahiran bertutur mengikut tahap pelajar. Pelajar peringkat asas: percakapan dilakukan melalui proses soal jawab (guru menyoal pelajar menjawab sama ada soalan berkaitan dengan teks yang dipelajari atau tentang satu-satu situasi), atau menghafal sebahagian dialog. Pelajar peringkat pertengahan: kemahiran bertutur dilatih melalui aktiviti permainan, perbincangan dua hala, pelajar menceritakan pengalaman yang mereka alami, ulang cerita perkara yang mereka lihat atau dengar dari televisyen atau radio.

## METODOLOGI KAJIAN

Jumlah sampel yang diperlukan ialah 500 orang dan mewakili lima Institut Pengajian Tinggi, iaitu KUIS, UNISZA, USIM, Pusat Asasi UIAM dan KUIN, iaitu 100 orang pelajar bagi setiap institusi yang terlibat. Namun, disebabkan bilangan pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab semasa kajian dijalankan adalah berbeza berdasarkan semester semasa, maka jumlah keseluruhan sampel yang terlibat ialah 519 orang. Data-data yang diperoleh melalui kajian tinjauan ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 18.0. menggunakan analisis diskriptif mudah seperti peratus, kekerapan dan skor min.

**Jadual 1: Taburan Bilangan Pelajar dan Peratusan Mengikut Institusi**

<b>IPTA/IPTS</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Peratusan</b>
KUIS	100	19.3
UNISZA	85	16.4
USIM	99	19.1
Pusat Asasi UIAM	113	21.8
KUIN	122	23.5
<b>Jumlah</b>	<b>519</b>	<b>100</b>

## DAPATAN KAJIAN

Bagi menganalisis soal selidik, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti yang dicadangkan oleh Alias Baba (1999). Jadual 1 menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

**Jadual 2: Interpretasi Skor Purata Ke dalam 5 tahap (Skala likert 5)**

<b>Julat</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias Baba (1999)

**i) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dalam bahasa Arab**

Jadual 3 menunjukkan min item untuk kemahiran mendengar mengikut institusi. Min keseluruhan bagi domain kemahiran mendengar untuk KUIS ialah 3.12, UNISZA ialah 3.10, USIM ialah 3.30, Pusat Asasi UIAM ialah 3.12 dan KUIN ialah 3.44.

ITEM	MIN				
	KUIS	UNISZA	USIM	Pusat Asasi UIAM	KUIN
Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika pensyarah membacakan petikan bahasa Arab.	2.13	1.89	1.87	1.94	2.10
Saya mendengar petikan bahasa Arab melalui bahan audio seperti kaset atau komputer.	2.73	2.36	4.44	2.27	3.34
Saya memperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali dan pelajar tidak dibenarkan melihat buku.	2.51	2.26	2.63	2.42	2.89
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika pensyarah mengemukakan soalan kefahaman.	2.55	2.49	2.29	2.35	3.02
Pensyarah saya memberi arahan tutup buku ketika mengajar bahasa Arab.	2.29	2.29	1.85	2.26	2.49
Pensyarah saya memberi arahan dengar baik-baik sebelum membaca soalan petikan bahasa Arab.	3.88	4.13	4.31	4.15	4.33

Pensyarah saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul kepada pelajar-pelajar.	4.15	4.20	4.37	4.38	4.36
Pensyarah saya membantu pelajar memahami makna petikan bahasa Arab yang diperdengarkan.	4.14	4.33	4.47	4.46	4.35
Pensyarah saya memperdengarkan ayat bahasa Arab mudah dan disusuli dengan ayat susah.	3.90	3.94	4.09	3.99	4.05
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika latihan kemahiran mendengar.	2.90	3.07	2.65	3.01	3.47
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.12</b>	<b>3.10</b>	<b>3.30</b>	<b>3.12</b>	<b>3.44</b>

Jadual 4: Min Kemahiran Mendengar

ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika pensyarah membacakan petikan bahasa Arab.	1.99	1.07	Rendah
Saya mendengar petikan bahasa Arab melalui bahan audio seperti kaset atau komputer.	3.04	1.34	Sederhana
Saya memperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali dan pelajar tidak dibenarkan melihat buku.	2.56	1.15	Rendah
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika pensyarah mengemukakan soalan kefahaman.	2.56	1.19	Rendah
Pensyarah saya memberi arahan tutup buku ketika mengajar bahasa Arab.	2.25	1.18	Rendah
Pensyarah saya memberi arahan dengar baik-baik sebelum membaca soalan petikan bahasa Arab.	4.17	0.78	Tinggi
Pensyarah saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul kepada pelajar-pelajar.	4.30	0.71	Sangat Tinggi
Pensyarah saya membantu pelajar	4.35	0.70	Sangat Tinggi

memahami makna petikan bahasa Arab yang diperdengarkan.			
Pensyarah saya memperdengarkan ayat bahasa Arab mudah dan disusuli dengan ayat susah.	4.00	0.86	Tinggi
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika latihan kemahiran mendengar.	3.04	1.25	Sederhana

*Diadaptasi daripada Mohd Rofian (2012)*

Terdapat pernyataan-pernyataan yang mempunyai skor min yang sangat tinggi seperti “Pensyarah saya membantu pelajar memahami makna petikan bahasa Arab yang diperdengarkan”(4.35) serta pernyataan “Pensyarah saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul kepada pelajar-pelajar”(4.30). Hal ini memberikan gambaran bahawa pelajar-pelajar memerlukan bimbingan langsung daripada pensyarah untuk memahami tajuk yang diperdengarkan. Pensyarah juga berperanan untuk mempelbagaikan nada dan intonasi suara bagi memudahkan kefahaman pelajar.

Pernyataan-pernyataan yang mendapat skor min terendah ialah “Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika pensyarah membacakan petikan bahasa Arab”(1.99) , “Pensyarah saya memberi arahan tutup buku ketika mengajar bahasa Arab”(2.25) serta pernyataan “Saya(pensyarah) memperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali dan pelajar tidak dibenarkan melihat buku”(2.56). Mendengar tanpa melihat buku adalah salah satu teknik yang dicadangkan dalam P&P kemahiran mendengar. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan tahap pelaksanaan teknik ini adalah rendah. Pensyarah mempraktikkan membuka buku ketika pengajaran kemahiran mendengar dilaksanakan. Hal ini boleh membawa kepada hilangnya fokus dalam kalangan pelajar tentang tajuk-tajuk yang diajarkan. Wan Izzuddin dan Wan Hasni (1991) memberikan pandangan bahawa ramai pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar yang baik disebabkan mereka tidak memberikan daya tumpuan yang jitu terhadap guru yang sedang mengajar di dalam kelas. Kadang kala pelajar gagal memberikan perhatian kepada guru kerana mereka menjalankan aktiviti lain semasa mendengar seperti menulis, mencatat nota dan ada pula yang cuba membaca buku.

## ii) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur dalam bahasa Arab

Jadual 5 menunjukkan min item untuk kemahiran bertutur mengikut institusi. Min keseluruhan bagi domain kemahiran bertutur untuk KUIS ialah 3.51, UNISZA ialah 3.41, USIM ialah 3.51, Pusat Asasi UIAM ialah 3.44 dan KUIN ialah 3.84.

ITEM	MIN				
	KUIS	UNISZA	USIM	Pusat	KUIN



	<b>Asasi UIAM</b>				
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari.	3.93	3.94	3.82	4.21	4.36
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari mengikut makhraj yang betul.	3.93	3.99	3.93	4.20	4.39
Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi perkataan bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	3.37	3.58	3.06	3.18	3.95
Pensyarah saya meminta pelajar menuturkan ayat bahasa Arab yang dipelajari.	3.96	3.96	3.83	4.06	4.32
Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi ayat bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	3.39	3.45	2.95	3.19	3.81
Pensyarah saya meminta pelajar menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku.	3.60	3.09	3.78	3.48	3.90
Pensyarah saya meminta pelajar bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks.	3.48	3.21	3.97	3.07	3.81
Pensyarah saya memastikan pelajar memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa Arab.	4.04	3.99	4.22	4.26	4.30
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut secara lisan gambar yang dipaparkan dalam bahasa Arab.	3.30	3.40	3.63	3.56	3.84
Pensyarah saya meminta pelajar bercerita dalam bahasa Arab mengenai gambar atau iklan yang	3.24	3.15	3.83	2.90	3.52

dipamerkan.

Pensyarah saya meminta pelajar menjawab secara lisan soalan kefahaman petikan bahasa Arab yang dikemukakan tanpa melihat buku.	3.38	3.12	3.30	3.09	3.59
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika mengulangi sebutan Pensyarah.	2.85	2.69	2.43	2.54	3.28
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut ayat dalam bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul tanpa melihat buku.	3.17	3.14	3.21	3.07	3.66
Pensyarah saya memberi peluang kepada pelajar bertutur bahasa Arab.	4.12	3.93	4.38	4.19	4.30
Pensyarah saya tidak banyak membuat pembedaan kesalahan di dalam pertuturan bahasa Arab.	2.48	2.19	2.07	2.13	2.39
Pensyarah saya menuturkan ayat bahasa Arab yang mudah diikuti oleh ayat yang susah.	3.92	3.73	3.76	3.95	4.04
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.51</b>	<b>3.41</b>	<b>3.51</b>	<b>3.44</b>	<b>3.84</b>

**Jadual 6: Min Kemahiran Bertutur**

ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari.	4.07	0.86	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari mengikut makhraj yang betul.	4.11	0.84	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi perkataan bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	3.44	1.04	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar menuturkan ayat bahasa Arab yang dipelajari.	4.04	0.82	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar mengulangi	3.37	1.03	Sederhana

ayat bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.			
Pensyarah saya meminta pelajar menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku.	3.60	1.01	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks.	3.52	1.12	Tinggi
Pensyarah saya memastikan pelajar memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa Arab.	4.17	0.78	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut secara lisan gambar yang dipaparkan dalam bahasa Arab.	3.56	0.96	Tinggi
Pensyarah saya meminta pelajar bercerita dalam bahasa Arab mengenai gambar atau iklan yang dipamerkan.	3.33	1.08	Sederhana
Pensyarah saya meminta pelajar menjawab secara lisan soalan kefahaman petikan bahasa Arab yang dikemukakan tanpa melihat buku.	3.31	0.99	Sederhana
Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika mengulangi sebutan pensyarah.	2.78	1.04	Sederhana
Pensyarah saya meminta pelajar menyebut ayat dalam bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul tanpa melihat buku.	3.27	1.07	Sederhana
Pensyarah saya memberi peluang kepada pelajar bertutur bahasa Arab.	4.20	0.79	Tinggi
Pensyarah saya tidak banyak membuat pembetulan kesalahan di dalam pertuturan bahasa Arab.	2.26	1.12	Rendah
Pensyarah saya menuturkan ayat bahasa Arab yang mudah diikuti oleh ayat yang susah.	3.89	0.93	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian bagi pernyataan-pernyataan di bawah kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Secara umumnya, dapatan menunjukkan min keseluruhan kemahiran bertutur berada pada tahap yang tinggi. Antara pernyataan-pernyataan yang mempunyai skor min yang tinggi seperti "*Pensyarah saya memberi peluang kepada pelajar bertutur bahasa Arab*"(4.20) serta pernyataan "*Pensyarah saya memastikan pelajar memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa Arab*"(4.17). Hal ini memberikan gambaran bahawa pelajar-pelajar diberikan peluang yang luas oleh pensyarah untuk mempraktikkan pertuturan dalam bahasa Arab

disamping dapat memahami dengan baik perkara yang dipertuturkan melalui bimbingan langsung dan berterusan daripada pensyarah.

Pernyataan yang mendapat skor min yang rendah ialah "*Pensyarah saya tidak banyak membuat pembedaan kesalahan dalam pertuturan bahasa Arab*"(2.26). Hal ini menunjukkan bahawa pensyarah tidak banyak membuat pembedaan kesalahan dalam pertuturan pelajar di dalam kelas. Namun, ia merupakan teknik yang betul mengikut Tai'mah (t.t). Oleh itu, teknik ini perlu diteruskan oleh pensyarah dalam proses P&P di dalam kelas. Terdapat juga pernyataan yang mendapat skor min yang rendah, iaitu "*Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika mengulangi sebutan Pensyarah*"(2.78). Gambaran daripada dapatan ini menunjukkan bahawa membuka buku semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur turut dipraktikkan oleh tenaga pengajar. Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk membuka dan melihat buku atau nota untuk bercakap dalam bahasa Arab. Seharusnya pelajar perlu lebih berani untuk bertutur tanpa terikat dengan bahan yang terdapat di dalam buku.

## RUMUSAN

Rumusan berdasarkan dapatan dan analisis kajian ini ialah seperti berikut:

**i) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dalam bahasa Arab**

Secara keseluruhannya, kaedah-kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar berada dalam tahap yang sederhana. Kaedah-kaedah seperti arahan menutup buku ketika pensyarah membacakan petikan bahasa Arab, mengemukakan soalan kefahaman dan ketika latihan kemahiran mendengar, tidak mendapat respon yang baik daripada pelajar. Penyelidik berpandangan bahawa pelajar tidak dapat mengadaptasi dengan baik kaedah yang digunakan. Namun, terdapat juga kaedah yang mendapat respon yang sangat positif daripada pelajar seperti menggunakan nada dan intonasi yang betul ketika memperdengarkan petikan bahasa Arab serta membantu pelajar memahami makna petikan. Pelajar juga menerima baik pendekatan mendahulukan ayat-ayat mudah berbanding ayat yang susah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar.

**ii) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur dalam bahasa Arab**

Secara umumnya, kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur diterima baik oleh pelajar. Kaedah-kaedah seperti galakan dan ransangan pensyarah kepada pelajar-pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab, ruang dan peluang untuk meningkatkan kemahiran bertutur diberikan kepada pelajar. Kebiasaannya pelajar akan diminta untuk bercakap di hadapan kelas secara individu atau berkumpulan tanpa melihat buku atau teks. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kaedah yang perlu diambil perhatian serius untuk memastikan para pelajar dapat mengikuti kemahiran bertutur dengan baik. Kesalahan dalam pertuturan bahasa Arab perlu diambil perhatian

oleh pensyarah untuk memperbetulkannya dengan pendekatan dan metod yang bersesuaian. Keterikatan pelajar dengan buku teks atau nota dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur boleh menjejaskan fokus pelajar terhadap kemahiran yang diterapkan.

## **CADANGAN**

1. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur terutama kaedah yang berasaskan penggunaan bahan bantu mengajar yang terkini dan bersifat audio perlu diberi penekanan oleh pensyarah.
2. Kaedah memperbetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar sewaktu berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur, perlu diperhalusi cara pendekatannya. Kesilapan pemilihan metod akan menjarakkan diri pelajar daripada terlibat secara aktif dalam komunikasi lisan yang lebih efektif.

## **Rujukan**

- Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: UTM
- Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman. 2008. Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Sosiohumanika*, 167-192.
- Ibtisam Abdullah & Zamri Ahmad. 2012. Pengajaran kemahiran mendengar bahasa arab sebagai bahasa kedua. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, p. 75-81.
- Kenneth Beare. 2009. *The Challenge of Teaching Listening Skills*. Dicapai pada 20 Oktober 2014 daripada <http://esl.about.com/cs/teachlistening/a/a-tlisten.htm>.
- Maimun Aqsha Lubis. 2009. Keunggulan kaedah Elektik Sistemik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Vol 1 no 2, 29-38.
- Nik Mohd Rahimi. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.

Rusydi Ahmad Ta'imah. T.t. Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra. Jilid2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah al-Arabiyyah.

Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman.1991. *Strategi belajar yang berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman.

2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 67. Volume 11(2).